

## **JAWATAN KOSONG**

**Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) mempelawa pemohon daripada Warganegara Malaysia yang berminat dan berkelayakan untuk mengisi jawatan kosong sebagai:**

### **Pegawai Penyelidik Gred 52 (Terbuka)**

1. (a) Jawatan : Pegawai Penyelidik Gred 52 (Terbuka)
  - (b) Kementerian/Jabatan/  
Badan Berkanun/Kuasa  
Tempatan : Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri  
(MITI)
  - (c) Klasifikasi Perkhidmatan : Ekonomi (E)
  - (d) Jenis Skim Perkhidmatan : Pengurusan & Profesional
  - (e) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan & Profesional
  - (f) Taraf Jawatan : Kontrak
  - (g) Gred : 52 (Terbuka)
  - (h) Bilangan kekosongan : Dua (2)
2. Jadual Gaji : (RM Sebulan)

Gred Gaji	Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
E52	5,753.00	12,351.00	290.00

Imbuhan Tetap : Imbuhan Tetap Perumahan : RM700.00  
Imbuhan Tetap Keraian : RM600.00  
Bantuan Sara Hidup : RM300.00 (Kuala Lumpur)

3. Syarat Kelayakan : Calon hendaklah memiliki syarat kelayakan seperti berikut :-

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana

Muda atau kelayakan yang setaraf dengannya. Keutamaan kepada bidang Ekonomi, Perdagangan, Statistik dan berkaitan;

- c) Sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman dalam tugas yang berkaitan dengan bidang penyelidikan dan penulisan;
- d) Sekurang-kurangnya berumur 30 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- e) Memahami mengenai proses dan prosedur Kerajaan/ Agensi;
- f) Mempunyai kemahiran analitikal - berupaya menganalisis dan menterjemah maklumat/data seterusnya memberi cadangan yang bernas terhadap sesuatu isu;
- g) Mampu berdikari dan bekerja dengan penyeliaan yang minimum;
- h) Mempunyai kemahiran merancang dan mengurus - berupaya membina kepercayaan dan kredibiliti dengan pihak berkepentingan;
- i) Mempunyai kemahiran dalam interpersonal, pentadbiran organisasi dan boleh bekerja dalam pasukan; dan
- j) Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Malaysia and Bahasa Inggeris.

#### 4. Deskripsi Tugas

- a) Membuat analisa terperinci dan menyediakan laporan ke atas polisi-polisi perdagangan, perkhidmatan dan pelaburan serta industri sektoral dalam dan luar negara;
- b) Menjalankan kajian secara *in-house* berdasarkan keperluan Bahagian dan Agensi di bawah MITI;
- c) Memantau isu-isu ekonomi global semasa di peringkat mikro dan makro bagi menyalurkan maklumat terkini berkaitan perdagangan dan industri;
- d) Membantu memberikan input bagi penentuan hala tuju strategik jangka panjang MITI;
- e) Membantu menyebarkan maklumat atau trend terkini berkaitan isu-isu perdagangan, industri dan pelaburan dalam dan luar negara ; dan
- f) Menyelaras dan memantau kajian-kajian yang dijalankan oleh pihak ketiga berkaitan dengan perdagangan, industri dan pelaburan dalam negara.

5. Lokasi : Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri,  
Kuala Lumpur
6. Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan MITI yang boleh dimuat turun di laman sesawang <http://www.miti.gov.my>. Permohonan yang tidak menggunakan borang tersebut akan ditolak. Pemohon perlu menulis nama jawatan yang dipohon di sudut atas sebelah kiri sampul surat. Borang permohonan yang lengkap hendaklah dihantar kepada:

**Ketua Setiausaha**  
**Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri**  
**Bahagian Pengurusan Sumber Manusia**  
**Tingkat 23, Menara MITI,**  
**No.7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah,**  
**50480 Kuala Lumpur**

7. Catatan Tambahan : a) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga.
- b) Permohonan yang tidak menerima jawapan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh iklan jawatan ditutup adalah dianggap tidak berjaya.
- c) Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan temuduga jawatan ini tidak akan ditanggung oleh kerajaan.
8. Tarikh Tutup : **7 Disember 2018 (Jumaat) sebelum 5.00 petang.**